

PREAMBLES

BIL	HURAIAN
A	<p>Pihak Kontraktor hendaklah menyediakan segala peralatan keselamatan dan alat perlindungan diri (PPE) yang mencukupi semasa bekerja seperti papan tanda, vest keselamatan, bendera, walkie-talkie, lampu bikon, kon dan keperluan lain yang berkaitan kepada kakitangan pihak kontraktor yang menjalankan kerja di lapangan.</p>
B	<p>Pihak Kontraktor hendaklah menyediakan yang berikut, pada masa kerja dilaksana ;</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Seorang Penyelia Keselamatan Tapak yang bertauliah dan diperakui oleh JKPP Malaysia (DOSM) atau CIDB ; mahir tentang kerja tapakbina dan keselamatan kerja, DAN ; b) Penyelia bagi kerja-kerja pembinaan landskap kejur dan kerja penanaman pokok adalah individu yang kompeten; samada seorang yang mahir dalam bidang landskap kejur dan penanaman pokok atau, seorang telah menghadiri kursus penanaman pokok di Universiti/Insituti Pengajian Tempatan/Anjuran Agensi kerajaan. c) Penyelia ini bertanggungjawab melapor kepada Pegawai Majlis semua aktiviti yang dilaksana serta masalah di tapak setiap hari.
C	<p>Sampah-sarap hasil kerja-kerja pembinaan hendaklah dibersihkan dan dilupuskan serta-merta (tidak melebihi 24 jam) selepas kerja-kerja dilaksanakan di tapak pelupusan yang dibenarkan oleh Majlis sahaja. Pihak kontraktor hendaklah mendaftar lori dengan pihak Majlis untuk urusan masuk ke tapak pelupusan. Jika tempat pelupusan sampah adalah bukan dibawah tapak pelupusan dibawah kelolaan Worldwide Holdings iaitu di Jeram dan Dengkil, pihak kontraktor perlu mendapatkan kebenaran dari pihak MBSJ terlebih dahulu.</p>
D	<p>Pihak Kontraktor wajib mengemukakan laporan bergambar bersama tuntutan bayaran. Gambar-gambar hendaklah diambil sebelum, semasa & selepas kerja-kerja dilaksanakan. Jika didapati tidak mengemukakan Laporan Bergambar mengikut piawaian pihak Majlis berhak untuk memotong atau tidak membayar laporan yang dikemukakan beserta 1 NTP (sila rujuk Notis Tindakan Pemotongan)</p>